

## PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19

---

Para Konsultan sekalian,

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Susulan Perintah Kawalan Pergerakan yang di lanjutkan oleh kerajaan sehingga 04 Mac 2021 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Johor & Pulau Pinang adalah di maklumkan bahawa operasi di Ibu Pejabat Wisma PMB Kuala Lumpur akan beroperasi dengan menggunakan bilangan kakitangan yang minima seperti berikut:-

Waktu urusaniaga : 9.00 pagi - 4.30 petang

Waktu penyerahan : 9.00 pagi - 2.30 petang

Para Konsultan dengan ini di minta menggunakan kaedah komunikasi melalui email [utcadmin.pmbi@pelaburanmara.com.my](mailto:utcadmin.pmbi@pelaburanmara.com.my) mengenai pertanyaan atau kemusykilan.

Berhubung dengan penghantaran borang pelaburan/ 'investment submission' mestilah di alamatkan kepada email [pmbi.central@pelaburanmara.com.my](mailto:pmbi.central@pelaburanmara.com.my) bagi memudahkan urusan kami selanjutnya dengan mematuhi terma dan syarat seperti di bawah :-

1. Setiap set borang permohonan yang di hantar melalui email untuk di proses mestilah:

1.1 LENGKAP di isi dan di tandatangi ;

1.1.1 Di tulis TARIKH di dalam setiap borang permohonan 'Master Application Form', 'Investment Request Form', 'Transaction Form' dan lain-lain borang berkaitan dengan jelas dan selaras bagi setiap permohonan.

1.1.2 Setiap permohonan yang tiada tarikh akan di tolak.

1.1.3 Konsultan perlu mendapat persetujuan pelabur dan pelabur maklum tentang tarikh penyerahan kerana ia melibatkan jumlah pegangan unit pelabur tersebut.

1.2 Di sertakan dengan dokumen sokongan berkaitan seperti SA, FATCA, CRS & AMLA.

- 1.3 SA hendaklah di penuhi dan tidak di tinggalkan kosong tanpa di tandatangi. 'Decline' adalah pilihan terakhir dan tidak di galakkan.
- 1.4 Di sertakan salinan NRIC yang terang dan boleh di baca. Salinan NRIC yang tidak jelas atau tidak boleh di baca akan di tolak.
- 1.5 Set permohonan yang tidak lengkap (i.e: dokumen sokongan seperti NRIC tidak di sertakan akan di tolak. PMB Investment akan menyimpan set borang yang tidak lengkap di pejabat.
- 1.6 Konsultan perlu kemukakan kesemua borang (set yang baru) jika permohonan KWSP yang terdahulu di tolak.

2. Semua pindahan atas talian (i.e 'interbank transfer', Tabung Haji atau ASB) perlu di sertakan dokumen sokongan seperti salinan 'withdraw slip' bagi membuktikan sumber pindahan adalah bukan dari pihak ketiga.

Butiran pengenalan seperti NRIC dan nombor telefon pelabur hendaklah di tulis di atas slip berkenaan.

Sekali lagi, sila pastikan semua dokumen yang di 'scan' dan di hantar melalui email adalah dalam satu file PDF format sahaja bagi setiap satu nombor akaun.

Bagi Konsultan yang menghantar borang pelaburan melalui email, mohon untuk TIDAK menghantar borang pelaburan asal ke Ibu Pejabat/ Pejabat Wilayah.

Sebagai langkah mengekang penularan Covid-19, MARA telah mengarahkan supaya interaksi bersemuka antara individu di kurangkan. Segala urusan penyerahan borang di Ibu Pejabat adalah di syorkan supaya menggunakan *drop box* yang di letak di tingkat bawah Wisma PMB.

Semoga usaha kita dalam waktu yang mencabar ini dapat membawa kebaikan kepada semua.

Sekian, harap maklum dan terima kasih atas kerjasama yang di berikan.

*Tarikh: 17 Februari 2021*